



17 MAR, 2026

## Jualan Agro MADANI Pra Syawal tawar harga berpatutan

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

## Jualan Agro MADANI Pra Syawal tawar harga berpatutan

**Kuala Lumpur:** Penganjur Jualan Agro MADANI Pra Syawal bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna melalui penawaran harga barangan lebih rendah malah membantu usahawan agromakanan tempatan memperluas pasaran mereka.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, melalui program itu, usahawan tempatan dijangka mampu memperoleh tambahan pendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 sepanjang program dari jam 7.30 pagi hingga 3 petang.

"Program ini menyasarkan untuk memenuhi keperluan kira-kira 5.5 peratus daripada jumlah penduduk kawasan Parlimen Selayang yang dianggarkan seramai 363,289 orang berdasarkan data Banci 2020.

"Program ini sebahagian daripada usaha bertenusu FAMA bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada bekalan makanan yang mencukupi pada harga berpatutan khususnya menjelang musim perayaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program itu yang turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri serta Pengerusi Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Anfaal Saari di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang, di sini.



AMINUDDIN

Aminuddin berkata, program itu dijangka menarik kira-kira 5,000 pengunjung yang mewakili sekitar 20,000 isi rumah dengan sasaran nilai jualan sebanyak RM150,000 serta penjimatan kepada pengguna dianggarkan mencecah RM45,000.

Beliau juga berkata, menjelang Aidilfitri, barangan asas seperti daging, beras dan sayur-sayuran berada pada tahap stabil.

"Setakat ini, bekalan dan harga masih stabil, jadi tidak perlu ada pembelian panik," katanya.

Sementara itu, Anfaal yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer berkata, sebanyak 500 ayam dijual pada harga RM10 seekor manakala 1,800 kilogram daging pula dijual pada harga RM30 sekilogram.

"Program ini juga menawarkan diskaun antara 10 hingga 30 peratus bagi beberapa barangan terpilih," katanya. - BERNAMA



17 MAR, 2026

## Jualan Agro MADANI Pra Syawal tawar harga berpatutan

Harian Metro, Malaysia

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Penganjuran Jualan Agro MADANI Pra Syawal bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna melalui penawaran harga barangan lebih rendah malah membantu usahawan agromakanan tempatan memperluas pasaran mereka. Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, melalui program itu, usahawan tempatan dijangka mampu memperoleh tambahan pendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 sepanjang program dari jam 7.30 pagi hingga 3 petang. “Program ini menyasarkan untuk memenuhi keperluan kira-kira 5.